

29 JAN 2001

PERMOHONAN ANWAR MENGENAI SAMAN MALU RM100 JUTA DIDENGAR 19 FEB

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu di Mahkamah Persekutuan berhubung keputusan Mahkamah Tinggi yang membatalkan saman malunya berjumlah RM100 juta terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan didengar pada 19 Feb.

Permohonan itu dibuat selepas Mahkamah Rayuan, pada 9 Dis tahun lepas, mengekalkan keputusan Hakim Datuk Dr R.K.Nathan yang telah membatalkan saman bekas timbalan perdana menteri itu dengan kos.

Anwar, yang memfailkan saman pada 25 Jan 1999, mendakwa Dr Mahathir telah bercakap bohong dan berniat jahat semasa bercakap dengan wartawan tempatan dan asing pada satu sidang media yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri dengan mendakwa dia (Anwar) telah melakukan perbuatan yang tidak bermoral.

Selain ganti rugi, faedah dan kos, Anwar juga memohon injunksi untuk menghalang Dr Mahathir daripada terus mengulangi perkataan-perkataan itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir dalam pembelaannya, menegaskan bahawa beliau mengucapkan perkataan-perkataan itu sebagai perdana menteri dengan perlindungan bersyarat.

-- BERNAMA  
SBB AHH NMO